

Bil. S 47

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PERBEKALAN AIR (PINDAAN), 2014

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pindaan bab 2 dari Penggal 121.
3. Pindaan bab 3.
4. Pindaan bab 7.
5. Pindaan bab 9.
6. Pindaan bab 11.
7. Penggantian bab 12.
8. Pindaan bab 13.
9. Pindaan bab 16.
10. Pindaan bab 23.
11. Pindaan bab 24.
12. Pindaan bab 25.
13. Pindaan bab 26.
14. Pindaan bab 27.
15. Pindaan bab 28.
16. Pindaan bab 29.
17. Pindaan bab 30.
18. Pindaan bab 31.

19. Pindaan bab 32.
 20. Pindaan bab 33.
 21. Pindaan bab 34.
 22. Pindaan bab 35.
 23. Pindaan bab 37.
 24. Pindaan bab 38.
 25. Pemasukan 38A baru.
 26. Pindaan bab 39.
 27. Pemasukan bab 40A baru.
 28. Pindaan bab 42.
 29. Pindaan Akta.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PERBEKALAN AIR (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Perbekalan Air (Pindaan), 2014.

Pindaan bab 2 dari Penggal 121.

2. Bab 2 dari Akta Perbekalan Air, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta utama, adalah dipinda, dalam takrifan “Penguasa Air,” dengan memotong “Pengarah” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Ketua Pengarah”.

Pindaan bab 3.

3. Bab 3 dari Akta utama, adalah dipinda dalam cerai (1) –

(a) dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan”;

(b) dengan memasukkan sejurus selepas cerai (1) bab baru yang berikut –

“(1A) Tertakluk kepada cerai (1), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh menetapkan aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan di kawasan menakung air.”.

Pindaan bab 7.

4. Bab 7 dari Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan “Darussalam” sejurus selepas “Brunei” dalam baris kedua.

Pindaan bab 9.

5. Bab 9 dari Akta utama adalah dipinda dengan memotong koma bernoktah dari baris kesepuluh dan menggantikannya dengan noktah bertindih.

Pindaan bab 11.

6. Bab 11 dari Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan “Darussalam” sejurus selepas “Brunei” dalam baris ketiga.

Penggantian bab 12.

7. Bab 12 dari Akta utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Apa dia bekalan air bagi maksud rumah tangga.

12. Bekalan air bagi maksud-maksud rumah tangga tidaklah termasuk bekalan air ke mana-mana premis yang sebahagiannya digunakan bagi maksud apa-apa perdagangan, perkilangan atau perniagaan.”.

Pindaan bab 13.

8. Bab 13 dari Akta utama adalah dipinda, dalam perenggan */e/*, dengan memotong koma bernoktah dan dengan menggantikannya dengan koma.

Pindaan bab 16.

9. Bab 16 dari Akta utama adalah dipinda, dalam ceraian (2), dengan memotong “Pengarah” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “Ketua Pengarah”.

Pindaan bab 23.

10. Bab 23 dari Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan “yang dibenarkan” sejurus selepas “meter” dalam baris ketiga.

Pindaan bab 24.

11. Bab 24 dari Akta utama adalah dipinda —

(a) dalam perenggan *(d)*, dengan memotong “atau” dari baris akhir;

(b) dalam perenggan *(e)*, dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan “; atau”;

(c) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

“(f) jika premis itu atau mana-mana bahagiannya didirikan dengan melanggar sebarang undang-undang bertulis.”.

Pindaan bab 25.

12. Bab 25 dari Akta utama adalah dipinda, dengan memotong “sebanyak \$1,000 dan dalam perkara kesalahan yang kedua atau berikutnya, terkena denda sebanyak \$3,000 dan atau penjara selama 6 bulan” dari 3 baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$20,000 dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali”.

Pindaan bab 26.

13. Bab 26 dari Akta utama adalah dipinda —

(a) dalam perenggan (f), dengan memotong koma bernoktah dan menggantikannya dengan koma;

(b) dengan memotong “sebanyak \$1,000 dan dalam perkara kesalahan yang kedua atau berikutnya, terkena denda sebanyak \$3,000 dan atau penjara selama 6 bulan” dari 3 baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$20,000 dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali”.

Pindaan bab 27.

14. Bab 27 dari Akta utama adalah dipinda, dalam ceraian (2), dengan memotong “\$500” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$10,000”.

Pindaan bab 28.

15. Bab 28 dari Akta utama adalah dipinda, dengan memotong “sebanyak \$50” dari baris akhir kedua dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$10,000 dan denda tambahan tidak melebihi \$250”.

Pindaan bab 29.

16. Bab 29 dari Akta utama adalah dipinda, dalam ceraian (2), dengan memotong “sebanyak \$50” dari baris ketiga dan keempat dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$5,000”.

Pindaan bab 30.

17. Bab 30 dari Akta utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1), dengan memotong “sebanyak \$1,500” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$50,000”.

(b) dalam cerai (3), dengan memotong “sebanyak \$1,500” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$50,000”.

Pindaan bab 31.

18. Bab 31 dari Akta utama adalah dipinda, dengan memotong “sebanyak \$1,000 dan dalam perkara kesalahan yang kedua atau berikutnya, terkena denda sebanyak \$3,000” dari 2 baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$20,000 dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali”.

Pindaan bab 32.

19. Bab 32 dari Akta utama adalah dipinda, dengan memotong “sebanyak \$1,000” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$20,000”.

Pindaan bab 33.

20. Bab 33 dari Akta utama adalah dipinda, dengan memotong “sebanyak \$3,000 atau penjara selama 6 bulan” dari 2 baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali”.

Pindaan bab 34.

21. Bab 34 dari Akta utama adalah dipinda dengan memotong “sebanyak \$1,500” dari baris keenam dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$20,000”.

Pindaan bab 35.

22. Bab 35 dari Akta utama adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1) —

- (i) dalam perenggan (e), dengan memotong koma bernoktah dan menggantikannya dengan koma;
- (ii) dengan memotong “sebanyak \$3,000” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$20,000 dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali”.

(b) dalam cerai (2), dengan memotong 2 baris pertama dan menggantikannya dengan “(2) Sebarang perkhidmatan dalam yang diubah itu dan

mana-mana meter yang diusik, dirosakkan atau diubah itu hendaklah diganti atau dibaiki”.

Pindaan bab 37.

23. Bab 37 dari Akta utama adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong “sebanyak \$600” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$10,000 atau dihukum penjara bagi satu tempoh tidak melebihi satu tahun”.

Pindaan bab 38.

24. Bab 38 dari Akta utama adalah dipinda, dalam cerai (3), dengan memotong “sebanyak \$300” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “tidak melebihi \$10,000”.

Pemasukan bab 38A baru.

25. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 38 bab baru yang berikut —

“Memasuki kerja air tanpa persetujuan dll.

38A. Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis, mana-mana orang yang memasuki atau menggunakan mana-mana premis kepunyaan Penguasa, mana-mana bahagian dari mana-mana kerja air, atau mana-mana premis yang dirizabkan oleh Penguasa tanpa persetujuan secara bertulis terlebih dahulu daripada Penguasa, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,500.”.

Pindaan bab 39.

26. Bab 39 dari Akta utama adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong “Lembaga Bandaran” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “Penguasa”;

(b) dalam cerai (2), dengan memotong “atau Lembaga Bandaran” dari baris ketiga.

Pemasukan bab 40A baru.

27. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 40 bab baru yang berikut —

“Mengkompaun kesalahan.

40A. (1) Penguasa boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan boleh kompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi \$500.

(2) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.”.

Pindaan bab 42.

28. Bab 42 dari Akta utama adalah dipinda, dalam ceraiian (2), dengan memotong “wang fund Penguasa Air yang bersesuaian” dari 2 baris akhir dan menggantikannya dengan “Kumpulan Wang Yang Disatukan”.

Pindaan Akta.

29. Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Penguasa Air” di mana sahaja perkataan itu terdapat, kecuali dalam takrifan “Penguasa” dalam bab 2, dan menggantikannya dengan “Penguasa”.

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 27 haribulan Ogos, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM